

Seminar makanan halal wadah tingkatkan kemahiran insaniah

Oleh Basir Zahrom
basir@bharian.com.my

SEMINAR Makanan Halal 2009 (HaFoS'09) dianjurkan Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), baru-baru ini, disifatkan wadah terbaik tingkatkan kemahiran insaniah.

Naib Canselor Usim, Prof Datuk Dr Abdul Shukor Husin, berkata program itu juga mampu menambah keyakinan serta menyerlahkan pencapaian akademik pelajar.

Selain itu, katanya, HaFoS'09 satu langkah bijak dan tepat bagi Usim sebagai universiti sains berteraskan Islam menjelaskan makna halal kepada umum.

"Ini kerana terlalu banyak produk makanan dijual di pasaran, jadi sebagai umat Islam mengenal pasti status sesuatu produk itu perlu dititikberatkan.

"Program sebegini satu daripada tanggungjawab serta amanah terhadap

“Program sebegini satu daripada tanggungjawab serta amanah terhadap orang ramai bagi menyampaikan maklumat melalui pendekatan sains dan agama”

Dr Abdul Shukor Husin
Naib Canselor Usim

orang ramai bagi menyampaikan maklumat melalui pendekatan sains dan agama.

"Saya berharap pengguna akan lebih memahami dan yakin terhadap halal haram sesuatu produk makanan," katanya pada majlis perasmian seminar itu.

Seminar ketiga dianjurkan dengan kerjasama Biro Korporat Dewan Perdagangan Islam Malaysia (DPIM) itu bertujuan

memberi peluang pelajar dan industri mengetahui perkembangan penggunaan serta penghasilan produk halal terkini.

Penganjurannya juga bagi meningkatkan kesedaran warga Usim dan industri makanan berkaitan hak kepenggunaan dan kepentingan makanan halal di kalangan masyarakat Islam.

Sebanyak 15 kertas kerja dibentangkan termasuk 'Halal From Business Jihad Perspective' disampaikan Naib Presiden DPIM merangkap Pengerusi Biro Korporat DPIM, Tan Sri Muhammad Ali Hashim.

Forum bertajuk *Role of Various Institutions in Malaysia on Halal Issues* turut diadakan.

Selain itu, sejumlah 30 penyertaan daripada pelajar institusi pengajian tinggi, pengusaha industri makanan, agensi kerajaan dan swasta turut menjayakan pameran sempena seminar itu.



PELAJAR Usim tidak melepaskan peluang membeli produk makanan halal yang dijual sempena HaFoS'09.